

## TEMA 5 NOMBOR DAN ANGKA

### Situasi 5.2 Nombor dan alamat

Latar tempat : Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di Bank

Pegawai bank : Selamat pagi, encik. Boleh saya bantu?

Pelanggan : Selamat pagi. Saya hendak membuka akaun simpanan

Pegawai bank : Baik. Boleh encik berikan kad pengenalan?

Pelanggan : Boleh. Ini kad pengenalan saya.

Pegawai bank : Nombor kad pengenalan encik 960420135431. Betul?

Pelanggan : Ya, betul. Nombor kad pengenalan diri saya ialah  
960420135431.

Pegawai bank : Boleh encik berikan alamat tempat tinggal encik di sini?

Pelanggan : Boleh. C512, Pangsapuri Harmoni, 43500 Semenyih,  
Selangor.

Pegawai bank : Boleh berikan saya nombor telefon encik?

Pelanggan : Boleh. 012-1234567.

Pegawai bank : Sebentar ya. Baik, akaun simpanan encik telah aktif.

Pelanggan : Terima kasih.

Pegawai bank : Sama-sama.